

29/05/2003

Kerajaan henti keluar lesen import alat judi

KUALA LUMPUR: Kerajaan membuat keputusan menghentikan pengeluaran lesen mengimport peralatan perjudian, termasuk mesin slot dan jackpot untuk kegunaan kelab persendirian berkuat kuasa serta merta.

Kabinet dalam mesyuaratnya semalam turut membuat keputusan melarang pengendali premis perjudian di Sabah memindahkan operasi ke Semenanjung.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata keputusan itu hanya membabitkan permohonan baru bagi mengimport peralatan perjudian.

"Pengendali mesin perjudian sedia ada tidak terbabit dengan keputusan itu," katanya ketika dihubungi Berita Harian.

Beliau berkata, pemberhentian pengeluaran lesen itu selaras dengan usaha kerajaan untuk menamatkan punca perjudian.

"Apabila puncanya sudah dihentikan, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memegang kuasa mengeluarkan lesen premis perjudian tidak boleh lagi mengeluarkan lesen itu," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini ada juga pemegang lesen premis perjudian di

Sabah memindahkan operasi ke Semenanjung berikutan ketiadaan peruntukan undang-undang atau peraturan bagi menghalang perpindahan itu.

Sebelum ini, isu perjudian digunakan Pas dengan menuduh kerajaan membenarkan operasi kasino di kawasan peranginan Bukit Tinggi Resort, Pahang.

Bagaimanapun, tuduhan itu dinafikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 20 Mei lalu.

Dr Mahathir menjelaskan, kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen atau membenarkan operasi kasino di kawasan berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, pemilik pusat peranginan itu sebelum ini hanya diberi lesen menyediakan mesin slot untuk ahli kelabnya.